

KERTAS 1: Tatabahasa

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Zamani _____ seni mempertahankan diri daripada datuknya.
 A mengajar
 B mengajari
 C mempelajari
 D mempelajarkan
- 2 Wajahnya _____ ketika diumumkan sebagai pemenang dalam pertandingan deklamasi sajak di sekolahnya.
 A berseri-seri
 B berkilau-kilau
 C bercahaya-cahaya
 D berpinar-pinar

B. Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 1 Berapa orang peserta yang bakal memasuki acara bahas di sekolah itu sedang bersiap sedia dengan isi perbincangan masing-masing.
 A Beberapa peserta-peserta
 B Beberapa orang peserta
 C Berapakah orang peserta
 D Berapa orang peserta
- 2 Hasil seni kraf tangan itu paling unik sekali kerana coraknya direka berdasarkan warisan budaya tempatan.
 A unik sekali
 B terunik sekali
 C sangat terunik sekali
 D paling unik sekali

C. Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Palany berpura-pura tidak tahu orang yang telah memecahkan pasu bunga di halaman rumah, walhal dialah yang menyebabkan pasu bunga itu pecah pada pagi tadi.

- 1 Peribahasa manakah yang sesuai dengan situasi yang dinyatakan?
 A Biduk lalu kiambang bortaut
 B Bagai aur ditarik songsang
 C Alah bisa tegal biasa
 D Lempar batu sembunyi tangan

Ingat

- Kata "berapa" ialah kata tanya yang digunakan untuk ayat tanya manakala kata "beberapa" ialah bilangan untuk menunjukkan jumlah.
- Frasa adjektif dengan binaan kata penguat *ter-, paling,* dan *sekali* boleh hadir serentak dalam satu binaan. Misalnya, termasyhur sekali (X), termasyhur (✓), masyhur sekali (✓).